

# KAJIAN META ANALISIS: KEBERKESANAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TERHADAP MOTIVASI PEMBELAJARAN MURID

## *META STUDY ANALYSIS: EFFECTIVENESS OF COOPERATIVE LEARNING ON STUDENTS' LEARNING MOTIVATION*

Umami Salehah Hamzah<sup>1</sup>  
Nurfardilla Mohamad Nasri<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (E-mail: ummihamzah80@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (E-mail: nurfaradilla@ukm.edu.my)

### Article history

Received date : 8-10-2020

Revised date : 9-10-2020

Accepted date : 30-11-2020

Published date : 23-12-2020

### To cite this document:

Hamzah, U. S., & Mohamad Nasri, N. (2020). Kajian Meta Analisis: Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Motivasi Pembelajaran Murid. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 21 - 33.

**Abstrak:** Pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran abad ke 21 yang berpusatkan murid yang melibatkan penglibatan murid secara aktif manakala guru sebagai fasilitator untuk memberi bimbingan, nasihat dan dorongan bagi mencapai matlamat pembelajaran. Menyedari kepentingan pembelajaran koperatif, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji pola kajian keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap motivasi pembelajaran murid dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Kajian ini dilakukan ke atas 18 kajian dari tahun 2014 sehingga 2019. Daripada 18 kajian didapati 8 kajian mempunyai saiz kesan terhadap motivasi pembelajaran murid. Ukuran saiz  $d = 0.73$  adalah ukuran kesan saiz yang didapati dari pelajar universiti, manakala ukuran saiz  $d = 0.87$  dikesan dari murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini telah menunjukkan keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap motivasi pembelajaran murid yang mempunyai hubungan yang positif dan signifikan antara kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah pembelajaran koperatif berbanding kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Dapatan menunjukkan, pembelajaran koperatif lebih berjaya meningkatkan motivasi murid berbanding kaedah tradisional. Oleh yang demikian, kajian lanjutan tentang keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap motivasi perlu dilakukan dengan menggunakan lebih banyak lagi artikel dan sampel kajian dalam penelitian meta analisis supaya data yang diperolehi lebih luas, lengkap dan lebih tepat.

**Kata Kunci:** Pembelajaran Koperatif, Peningkatan Motivasi, Minat, Pembelajaran Berpusatkan Murid, Kaedah Koperatif

**Abstract:** Cooperative learning is a 21st century student-centered learning that involves the active involvement of students while teachers as facilitators to provide guidance, advice and encouragement to achieve learning goals. Recognizing the importance of cooperative learning, this study was conducted with the aim of studying the pattern of research on the effectiveness of cooperative learning on student learning motivation from primary school to university level. This study was conducted on 18 studies from 2014 to 2019. Out of 18 studies it was found that 8 studies have the effect size on student learning motivation. Measurement size  $d = 0.73$  is a

*measure of the effect size obtained from university students, while size measurement  $d = 0.87$  was detected from primary and secondary school students. This has shown the effectiveness of cooperative learning on student learning motivation that has a positive and significant relationship between treatment groups that use cooperative learning methods compared to control groups that use traditional learning methods. Findings show that cooperative learning is more successful in increasing student motivation than traditional methods. Therefore, further research on the effectiveness of cooperative learning on motivation should be done by using more articles and study samples in meta-analysis research so that the data obtained is broader, more complete and more accurate.*

**Keywords:** (Cooperative Learning, Increased Motivation, Interest, Student-Centered Learning, Cooperative methods)

## **Pengenalan**

Pada awal tahun 2019, pemansuhan sistem pengasingan kelas, sekolah kawalan dan kaedah peperiksaan pada murid tahun 1 hingga tahun 3 telah dilakukan sepenuhnya (KPM, 2018). Ini bagi menyediakan murid dengan pembelajaran abad ke-21 (Zainudin Mohd Zaki, et al., 2015). Seorang pendidik yang prihatin pada kepelbagaian kebolehan murid harus peka dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian murid. Menurut Yin et al (2020) kepelbagaian kaedah pengajaran merupakan salah satu kaedah untuk memenuhi kehendak murid dalam memahami perkara atau kandungan mata pelajaran dengan lebih baik bahkan meningkatkan motivasi dan minat murid terhadap mata pelajaran tersebut.

Menurut KPM (2015), pembelajaran koperatif (PK) melibatkan kerja berpasukan, saling perlu memerlukan secara positif dan tanggungjawab bagi menentukan kejayaan diri dan kumpulannya. Manakala guru sebagai fasilitator akan meminimumkan campur tangan guru semasa tugas kumpulan dilaksanakan. Setiap murid diberi kepercayaan sepenuhnya oleh guru dalam melaksanakan tugas yang diberi. Sikap saling bantu-membantu di kalangan ahli kumpulan akan melahirkan jati diri yang tinggi disamping meningkatkan motivasi dan semangat pada setiap ahlinya (Darmawan, 2018; Ng, 2017 dan Namaziandost et al., 2019).

Walau bagaimanapun, sebilangan tenaga pengajar menggunakan kaedah pembelajaran yang berpusatkan guru. Proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara sehalu dengan menggunakan buku teks, latihan topikal dan nota serta syarahan (Aziz, 2007) mengakibatkan murid menjadi pasif, tidak mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah, tidak bermotivasi dan menyebabkan aktiviti pembelajaran terbantut (Azmi & Nurszatulshima, 2017). Selain itu, menurut kajian Benlahcene et al (2020) dan Bhavani & Zamri (2017) mendapati murid yang rendah motivasi dan tidak minat dengan pengajaran guru menyebabkan murid mengganggu rakan dan seterusnya mengganggu proses pengajaran guru. Oleh itu, kaedah (PK) telah diperkenalkan bagi mengubah amalan pengajaran berteraskan tradisional kepada pembelajaran berpusatkan murid (Salehudin, 2015). Tambahan pula, dengan adanya kaedah (PK) yang melibatkan kumpulan kecil yang aktif di samping memerlukan kerjasama yang erat antara ahli di dalam kumpulan dapat membantu mengurangkan masalah mengganggu rakan lain (Bhavani & Zamri, 2017)

## **Tujuan Kajian**

Kajian meta analisis dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji tentang keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid dari peringkat sekolah rendah sehingga pelajar

universiti. Kajian meta analisis ini menghimpunkan beberapa artikel yang telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria dan kajian belum pernah dijalankan sebelum ini. Kajian ini berfokus kepada 3 persoalan iaitu:

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah objektif kajian daripada kajian berkaitan keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap motivasi pembelajaran murid?
2. Apakah kaedah penyelidikan daripada kajian berkaitan keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap motivasi pembelajaran murid?
3. Apakah dapatan utama daripada kajian berkaitan keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap motivasi pembelajaran murid?

### **Kajian Literatur**

#### **Pembelajaran Koperatif Terhadap Motivasi Pembelajaran Murid**

Pembelajaran abad ke 21 (PAK 21) menekankan penggunaan kaedah PK yang berpusatkan murid yang mementingkan elemen kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta berkebolehan untuk berkomunikasi (Mohammad Shah, 2016). Tambahan pula, PK merupakan satu kaedah instruksional di mana murid digalakkan untuk berusaha menyelesaikan tugas secara berkumpulan untuk memaksimumkan pembelajaran demi mencapai satu matlamat (Namaziandost, et al., 2019)

Lima komponen asas PK ialah kebergantung secara positif bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Asas ini menekankan kerjasama ahli kumpulan dan saling memerlukan dari segi sokongan, penerangan dan bimbingan (Fernandes-Rio, et al., 2017). Komponen yang kedua ialah tanggungjawab di mana setiap ahli di dalam kumpulan mempunyai peranan masing-masing untuk menyelesaikan tugas yang diberikan (Parna, et al., 2015). Komponen yang ketiga ialah kepentingan berinteraksi secara lisan bersama ahli kumpulan bagi memastikan kelancaran perbincangan (Tsfamichael, 2017). Ini membolehkan setiap ahli di dalam kumpulan mengambil peluang untuk menerangkan dan menjelaskan sesuatu perkara atau tugas bagi memahami setiap ahli kumpulan. Komponen keempat adalah interpersonal dan kemahiran bersosial. Ia tertumpu kepada kemahiran untuk memberi maklum balas yang positif, mencapai persetujuan dengan kemahiran komunikasi yang jelas dan melibatkan semua ahli di dalam perbincangan (Tarhan & Sesen, 2012). Akhir sekali ialah pemprosesan di mana setiap aktiviti dan pengajaran memerlukan maklum balas dari semua ahli kumpulan bagi memastikan perjalanan atau proses perbincangan tidak lari dari matlamat sebenar (McPherson, 2020). Selain itu, ahli kumpulan akan sentiasa kekal aktif, bekerjasama dan fokus di dalam proses pembelajaran. Justeru, dengan adanya PK akan menghasilkan suasana pembelajaran yang positif (Haniyeh Rajae, 2016), menyeronokkan serta mendapat sokongan dan penghargaan dari guru telah menyumbang kepada peningkatan motivasi dan minat murid terhadap proses pembelajaran (Darmawan dan Nuryanti & Mustapa, 2018)

Penggunaan kaedah PK dengan menggunakan teknik Jigsaw telah berjaya mengubah sikap dan motivasi 24 daripada 25 murid terhadap tajuk “Daya dan Gerakan di dalam mata pelajaran Sains”. Perkongsian maklumat serta pengalaman bersama ahli kumpulan atau rakan kelas menjadikan murid lebih cekap dan pantas dalam membuat keputusan sekaligus meningkatkan minat murid terhadap subjek sains (Ural et.al, 2017). Selain itu, PK yang memberi kebebasan untuk murid membuat pilihan sama ada dalam pemilihan tajuk atau mencari cara penyelesaian turut meningkatkan motivasi, kefahaman dan kemahiran sosial murid (Alcola, 2019). Pujian,

sokongan serta maklum balas yang membina selepas pembentangan telah meningkatkan keyakinan diri setiap ahli kumpulan untuk mewakili kumpulan dalam tugas seterusnya (Ning & Hornby, 2014; Namaziandost & Ahmadi, 2019)

Kajian Azman Ab. Rahim, et al (2017); Bhavani & Zamri (2017) mendapati PK telah meningkatkan kemahiran sosial dan kemahiran kolaboratif di mana dengan penglibatan aktif di dalam kumpulan, telah meningkatkan tahap keyakinan diri murid untuk berani mengeluarkan pendapat, bekerjasama dalam keadaan yang harmoni serta menjadikan murid lebih fokus dan bersemangat untuk meneruskan pembelajaran seharian. Proses pengajaran yang berpusatkan murid ini telah berjaya menggantikan cara pengajaran secara kuliah dengan menitikberatkan komponen asas di dalam PK (Namaziandost, et al., 2018).

### Metodologi

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk meta analisis yang berkaitan keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid. Kajian meta analisis juga dikenali dengan penelitian meta atau *meta research* yang menggunakan buku, jurnal dan tesis sebagai sumber data yang mempunyai topik atau tema yang sama di dalam penyelidikan (Syamsul Hadi, 2006). Meta analisis digunakan untuk meringkas, mengumpul dan memperolehi hasil dapatan dari pelbagai kajian yang menggunakan analisis statistik dari sejumlah data yang diperolehi dari hasil penelitian secara kuantitatif. (Boisandi dan Handy Darmawan, 2017). Selain itu, penelitian meta analisis menggunakan gabungan kesan saiz kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam analisis statistik (Nindrea, 2016)

Beberapa pangkalan data yang dilanggan oleh perpustakaan universiti seperti *EBSCOHost*, *Science Direct*, *Proquest*, *E-jurnal UKM* dan *Eric* digunakan untuk mencari artikel yang berkaitan. Selain itu, enjin carian *Google Scholar* dan *Google Search* turut digunakan bagi memastikan carian yang lebih meluas dilakukan. Artikel berkaitan PK yang diterbitkan sekitar tahun 2014 hingga 2019 telah dimuat turun untuk dianalisis. Kata kunci yang telah digunakan untuk mencari artikel tersebut adalah, “pembelajaran koperatif”, “motivasi”, “*impact of cooperative learning*”, “*advantages of cooperative learning*”, “minat dan motivasi murid terhadap PK”, “pembelajaran abad ke 21”, “*effectiveness of cooperative learning*”

Artikel kajian dipilih berdasarkan beberapa kriteria:

- i) Sumber pencarian adalah pelbagai dari artikel jurnal, tesis dan prosiding dari tahun 2014-2019
- ii) Artikel berkaitan dengan pelbagai subjek yang menghubungkan antara pembelajaran koperatif dengan motivasi belajar murid
- iii) Artikel berbentuk kuantitatif yang menyertakan dapatan kajian yang membolehkan kesan saiz dikira samaada memberi nilai  $r$ ,  $t$ ,  $n$ ,  $sd$  atau  $p$
- iv) Sampel kajian terdiri dari murid sekolah rendah, menengah serta peringkat pengajian tinggi

Berikut merupakan 18 artikel yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Jadual 1 merupakan senarai keseluruhan kajian deskriptif a) Tajuk kajian b) Pengkaji dan tahun c) Objektif kajian d) Jenis dan saiz sampel d) Reka bentuk kajian (eksperimental, kuasi eksperimen, kajian kes) e) Hasil dapatan berkaitan keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif terhadap motivasi murid. Oleh kerana hasil dapatan kajian yang pelbagai, maka hanya dapatan yang melibatkan motivasi direkodkan.

**Jadual 1: Keseluruhan Artikel Kajian**

Bil	Tajuk kajian / Pengkaji dan tahun	Sample (n) / Kaedah dan Rekabentuk	Objektif kajian	Dapatan kajian dan saiz kesan
1	<i>Exploring the Impacts of Cooperative Learning Strategy on Students' Motivation in Learning English Reading</i> <b>Man Ng In (2017)</b>	26 murid sekolah rendah (SR)  Gabungan-ujian pra&pos -temubual	Mengkaji kesan PK terhadap motivasi murid dalam (membaca) bahasa Inggeris.	Pelajar mempunyai keyakinan diri dan tahap motivasi intrinsik yang tinggi  <b>*Saiz kesan : 0.56</b>
2	<i>An Exploration on the Effect of Cooperative Learning on the Reading Comprehension Ability and Learning Motivation of Iranian Freshmen EFL Learners</i> <b>Haniyeh Rajae (2016)</b>	66 pelajar siswa universiti (uni)  kuantitatif Kuasi eksperimen	Mengkaji kesan PK a)kefahaman murid dalam membaca b)motivasi pelajar EFL.	PK mencipta suasana positif dan meningkatkan motivasi terutamanya dalam keinginan untuk belajar, berdedikasi dan keberkesanan diri.  <b>*Saiz kesan 0.20</b>
3	<i>The Impact of Cooperative Learning on Developing Speaking Ability and Motivation Toward Learning English</i> <b>Namaziandost et.al (2019)</b>	90 pelajar (Uni)  kuantitatif Kuasi eksperimen	Bertujuan untuk mengkaji keberkesanan (PK) terhadap a)kemahiran Bahasa Inggeris b) tahap motivasi berbahasa pelajar Iran	1.Kumpulan eksperimen mempunyai motivasi yang tinggi disebabkan suasana pembelajaran yang menyenangkan, kebebasan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi, bebas memilih cara penyelesaian, pelajar diberi maklum balas yang membina dan saling memberi sokongan dan semangat. <b>*Saiz kesan 0.49</b>
4	<i>Does Cooperative Learning Increase Students' Motivation in Learning?</i> <b>Van Dat Tran (2019)</b>	72 pelajar (Uni) Kajian eksperimen	Untuk mengenal pasti (PK) meningkatkan motivasi belajar pelajar Universiti di Vietnam	PK merupakan teknik pengajaran pedagogi yang berkesan untuk meningkatkan motivasi belajar pelajar <b>*Saiz kesan : 0.56</b>
5	<i>Cooperative Learning and Students' Motivation, Social Interactions and Attitudes: Perspectives from Two Different Educational Stage</i> <b>Alcola, et.al (2019)</b>	179 pelajar 96 (SR) 83 sekolah menengah (SM)  Gabungan-ujian pra&post -temubual	Mengenal pasti keberkesanan (PK) terhadap a) sikap b) interaksi sosial c) motivasi	1.Suasana pembelajaran secara berkumpulan dengan memberikan tugas secara berkumpulan telah meningkatkan motivasi intrinsik murid (SR) dan (SM)  <b>*Saiz kesan : 0.87</b>

6	<i>The impact of cooperative learning on tertiary EFL learners' motivation</i> <b>Huiping Ning &amp; Garry Hornby (2014).</b>	100 pelajar (Uni) kuantitatif Kuasi eksperimen	Untuk mengenal pasti kesan PK terhadap motivasi pelajar bahasa Inggeris	1. (PK) meningkatkan motivasi pelajar disebabkan oleh suasana pembelajaran yang menyokong dan tidak mengancam menyebabkan matlamat pembelajaran dapat dicapai dengan baik. <b>*Saiz kesan: 0.47</b>
7	<i>Impact of a sustained cooperative learning intervention on student motivation.</i> <b>Fernandes-Rio et.al, (2017).</b>	249 (SM) Gabungan	1. Untuk menyiasat kesan (PK) terhadap motivasi pelajar. 2. Meneroka persepsi dan pemikiran pelajar selepas PK	1. (PK) membantu meningkatkan motivasi intrinsik dalam diri murid. 2. Perasaan pelajar meningkat hasil dari elemen kerjasama, kebergantungan, keseronokan dan pembaharuan <b>*Saiz kesan : 0.12</b>
8	Peningkatan motivasi dan hasil belajar ipa melalui pembelajaran kooperatif tipe tgt siswa kelas v <b>Darmawan( 2018)</b>	30 murid (SR) Gabungan	Untuk melihat keberkesanan PK (tipe TGT) dalam a) peningkatan motivasi b) hasil pembelajaran murid	1. Pembelajaran yang menyeronokkan, persaingan kumpulan dan penghargaan daripada guru dapat meningkatkan motivasi murid 2. Faktor fizikal dan rohani. Murid yang sihat dan gembira mudah akan memberi tumpuan dan mempunyai motivasi tinggi.
9	<i>The variation pattern of cooperative learning models implementation to increase the students creative thinking and learning motivation</i> <b>Rusdi Hasan et.al (2019)</b>	81 pelajar (Uni) kuantitatif Kuasi eksperimen	Untuk mengenal pasti kaedah kooperatif mempengaruhi a) motivasi b) kreativiti pelajar	1. Penerapan pelbagai model (PK) meningkatkan keupayaan kreativiti serta motivasi belajar murid berbanding menggunakan model tradisional dalam bentuk kuliah dan soalan dan jawapan. <b>*Saiz kesan: 0.73 (STAD,NHT,GD)</b> <b>*Saiz kesan : 0.50 (STAD,NHT,)</b>
10	<i>Impact of cooperative learning on learner motivation in speaking at a vietnamese high school</i> <b>Nguyen &amp; Nguyen (2018)</b>	44 murid (SM) kuantitatif Kuasi eksperimen	Untuk melihat keberkesanan (PK) terhadap motivasi pelajar untuk bercakap dalam bahasa inggeris	1. (PK) mempengaruhi motivasi murid dalam prestasi (bercakap) 2. Murid lebih cenderung untuk terlibat secara aktif dengan rakan sebaya lain dalam proses pembelajaran. <b>*Saiz kesan : 0.42</b>
11	Keberkesanan pembelajaran kooperatif terhadap pencapaian	60 murid (SM) Kuantitatif	Melihat keberkesanan (PK) terhadap a) pencapaian	1. (PK) ialah satu pendekatan pedagogi yang membantu guru mengurangkan masalah disiplin murid serta membina sahsiah melalui pengajaran

	dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran Bahasa Melayu  <b>Somasundram &amp; Mahamod (2017)</b>	Kuasi eksperimen	b) Motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu	kemahiran sosial dan kemahiran kolaboratif. 2. Murid lebih bermotivasi, bersemangat, fokus dan berminat untuk belajar.
12	Pengaruh model pembelajaran kooperatif STAD terhadap motivasi dan hasil belajar IPA siswa kelas V Sd Gugus Vii Kecamatan Kubu tahun pelajaran 2014/2015  <b>Parna et.al(2015)</b>	116 murid (SM)  Kuantitatif Kuasi eksperimen	Untuk mengetahui a) Hasil belajar murid b) Motivasi murid dari segi pembacaan pemahaman Bahasa Inggeris	1. Pelajar STAD lebih bermotivasi dan merangsang murid untuk menerima maklumat. 2. Kegiatan ini dapat menumbuhkan rasa percaya pada diri siswa yang pada akhirnya meningkatkan motivasi belajar siswa
13	Penerapan Model Pembelajaran <i>Take and Give</i> untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Siswa Kelas VIII (2019)  <b>Al Falah et.al (2019)</b>	87 murid (SM)  Kajian kes	Untuk mengenalpasti penggunaan model <i>Take and give</i> mempengaruhi motivasi murid untuk belajar	1. <i>Tipe take and give</i> melatih murid belajar dengan cepat serta menghafal bahan dengan ayat mereka sendiri. 2. Perbezaan tahap setiap murid mendorong mereka untuk bersaing untuk mendapatkan bahan dan mengingat sesuatu perkara sekaligus meningkatkan motivasi murid
14	<i>Using Cooperative Learning to Boost Creativity and Motivation in Language Learning</i>  <b>Marashi &amp; Khatami (2017)</b>	66 murid Kish Air Language School (SM)  Kuantitatif Kuasi eksperimen	Mengkaji keberkesanan (PK) pada kreativiti dan motivasi pelajar	1. Murid dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kreativiti bersama ahli kumpulan 2. Strategi kooperatif membuat aktiviti lebih bermakna, relevan dan bermotivasi semasa mereka berinteraksi antara satu sama lain.
15	<i>The Application of STAD Cooperative Learning Using Picture as the Media to Improve Students' Learning Outcomes and Motivation in Learning Social Science</i>  <b>Handayani et.al, (2017)</b>	36 murid (SM)  kuantitatif Kuasi eksperimen	Untuk melihat keberkesanan penggunaan media bergambar di dalam STAD kepada a) motivasi b) hasil pembelajaran dalam sains sosial	1. Aplikasi model pembelajaran STAD dengan media bergambar dapat meningkatkan motivasi pembelajaran murid 2. Hasil kajian menunjukkan bahawa lebih baik motivasi pembelajaran, semakin baik hasil pembelajaran murid

16	Peningkatan motivasi belajar mahasiswa pada mata kuliah fisika matematika ii menggunakan model pembelajaran kooperatif tipe jigsaw di fakultas sains dan teknologi universitas jambi.  <b>Nurhidayah et.al, (2018).</b>	33 pelajar (Uni)  Kajian kes	Mengkaji sejauh mana (PK) model jigsaw dapat meningkatkan motivasi, hasil belajar, dan aktiviti mahasiswa	1.Kaedah (PK) model tipe jigsaw dapat meningkatkan motivasi belajar pada mata pelajaran fisik matematik II
17	<i>The Implementation of Talking Chips and Fan-N-Pick Cooperative Learning Model to Improve Students' Motivation and Learning Outcomes</i>  <b>Radja (2017)</b>	20 murid (SM)  Kajian kes	Untuk mengkaji bagaimana model Talking Chips dan Fun N-pick menaikkan motivasi serta hasil pembelajaran murid	1.Pelaksanaan model ini dalam pembelajaran sains sosial dapat meningkatkan motivasi dan hasil pembelajaran murid. 2. kedua-dua model menggalakkan murid untuk belajar dalam suasana yang menyeronokkan
18	<i>The Effect of Team Game Tournament (TGT) Cooperative Learning Method Application Towards Learning Motivation and Achievement.</i>  <b>Juwita et.al. (2017).</b>	143 pelajar jururawat (Uni)  Pre eksperimen	Bertujuan untuk menganalisis keberkesanan aplikasi TGT untuk: a)meningkatkan motivasi belajar b)meningkatkan pencapaian	1.Dalam kajian ini, penyelidik mendapati pelajar lebih bermotivasi selepas belajar dengan kaedah TGT yang melibatkan permainan. 2. Pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dan motivasi dalam suasana yang tenang ,seronok akhirnya mempengaruhi pencapaian pelajar

### Pengiraan Kesan saiz

Menurut Cohen (1988), garis panduan mentafsir kesan saiz adalah  $\leq 0.2$  (kesan kecil), 0.5 (kesan sederhana) dan  $\geq 0.8$  (kesan tinggi). Pengukuran kesan saiz digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar

### Dapatan

Dapatan kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian utama. Pertama membincangkan objektif kajian berkaitan keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid. Kedua membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan berkaitan keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid yang memfokuskan kepada jenis dan rekabentuk kajian dan profil sampel kajian. Bahagian ketiga membincangkan dapatan utama dari kajian berkaitan keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid.



### **Apakah Objektif Kajian Berkaitan Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Koperatif Terhadap Motivasi Murid?**

Berdasarkan analisis kritikal yang dijalankan pada 18 kajian, dengan merujuk jadual 1 didapati terdapat 2 objektif kajian utama, iaitu (a) melihat keberkesanan penggunaan kaedah PK terhadap motivasi pembelajaran murid (b) menguji keberkesanan PK terhadap pembolehubah-pembolehubah lain. Terdapat enam artikel kajian dijalankan untuk melihat keberkesanan penggunaan kaedah PK terhadap motivasi murid (Al Falah et al, 2019; Darmawan, 2018; Ning& Hornby, 2014; Nguyen & Nguyen, 2018; Ng, 2017 dan Tran, 2019 ).

Selain itu, terdapat 12 kajian yang menguji keberkesanan PK terhadap pembolehubah-pembolehubah lain seperti untuk melihat sikap murid iaitu pengkaji (Alcola et al, 2019), kreativiti murid (Hasan et.al 2019 dan Marashi & Khatami, 2017) dan selebihnya untuk melihat hasil pencapaian murid terhadap PK seperti pengkaji (Fernandes-Rio et al., 2017; Handayani, et al.,2017; Haniyeh Rajae, 2016; Juwita et al., 2017; Namaziandost el al., 2019; Nurhidayah et al, 2018; Parna et al 2015;Radja, 2017 dan Bhavani & Zamri 2017)

### **Apakah Kaedah Penyelidikan Yang Telah Digunakan Untuk Menjalankan Kajian Berkaitan Kesan Kaedah Pembelajaran Dan Pengajaran Koperatif Terhadap Motivasi Murid?**

#### **Pendekatan Dan Reka Bentuk Kajian**

Jadual 1, menunjukkan terdapat 9 kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen. Reka bentuk kuasi eksperimen merupakan satu kaedah perbandingan antara dua kumpulan yang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. Kumpulan eksperimen akan menggunakan kaedah PK, manakala kumpulan kawalan akan menggunakan kaedah tradisional seperti syarahan dan penggunaan buku teks. Pengkaji yang menggunakan kaedah kuasi eksperimen seperti (Handayani et.al 2017; Haniyeh Rajae, 2016; Marashi & Khatami, 2017; Namaziandost et al. 2019; Nguyen& Nguyen, 2018; Ning& Hornby, 2014; Parna et. al 2015; Hasan et.al 2019; dan Bhavani & Zamri 2017) akan menjalankan ujian pra sebelum PK diperkenalkan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Pengkaji mengambil satu tempoh masa untuk menerapkan kaedah PK kepada kumpulan eksperimen sebelum menjalani ujian post. Manakala kaedah tradisional berbentuk syarahan dan soal jawab digunakan untuk kumpulan kawalan. Menurut Asmah, (2008) dan Chua (2006) reka bentuk kuasi eksperimen paling sesuai digunakan dalam mencari keberkesanan kaedah pengajaran terutamanya dalam situasi yang sebenar seperti di sekolah.

Di Jadual 1, terdapat 4 pengkaji menggunakan pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif bagi mengenapasti keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid. Menurut Creswell & Plano Clark (2007) kaedah gabungan mempunyai kelebihan kepada pengkaji untuk memahami persoalan kajian serta memperkukuhkan hasil dapatan kajian. Oleh itu, pengkaji terdiri dari (Alcola et al., 2019; Darmawan, 2018; Fernandes-Rio et al., 2017 dan Ng, 2017) menggunakan soal selidik dan temubual bersama sampel dalam kaedah gabungan. Selain itu, Al-Falah et.al (2019); Handayani et al., (2017) dan Nurhidayah et al., (2018) menggunakan reka bentuk kajian kes dengan membuat pemerhatian dan temubual bersama sampel bagi mengkaji keberkesanan PK terhadap motivasi dan hasil pembelajaran terhadap keberkesanan PK.

#### **Profil Sampel Kajian Yang Digunakan**

Merujuk Jadual 1, 18 kajian yang dipilih telah menggunakan murid sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar universiti sebagai sampel kajian. Pengkaji Darmawan (2018); Fernandez-

rio et al., (2017) dan Ng (2017) telah menggunakan 56 orang murid sekolah rendah untuk dijadikan sampel kajian. Manakala seramai 678 orang murid Sekolah Menengah telah diambil sebagai sampel kajian oleh Al Falah et al., (2019); Handayani et al (2017); Nguyen & Nguyen (2018); Parna et.al (2015); Somasundram& Mahamod, (2017); Marashi & Khatami (2017); dan Radja (2017).

Bagi pelajar universiti, pengkaji Haniyeh Rajae (2016); Namaziandost et.al (2019); Tran (2019); Ning & Hornby (2014); Hasan et.al (2019); Nurhidayah et.al (2018) dan Juwita et.al (2017) telah memilih 585 pelajar universiti sebagai sampel kajian. Manakala 1 kajian dari Alcola et al., (2019) yang menggunakan gandingan sekolah rendah seramai 96 orang murid manakala sekolah menengah 83 orang murid sebagai sampel kajian untuk mengkaji sikap, motivasi dan interaksi sosial terhadap keberkesanan PK

### **Apakah Dapatan Utama Pembelajaran Koperatif Terhadap Motivasi Murid Dalam Pembelajaran.**

Berdasarkan analisis dapatan kajian, terdapat 2 objektif utama, enam daripada lapan belas kajian ialah untuk melihat keberkesanan PK terhadap motivasi pembelajaran murid mendapati hubungan yang signifikan di antara PK terhadap motivasi pembelajaran murid. Menurut Ng (2017), PK menjadikan murid lebih berkeyakinan, berani untuk mengeluarkan pendapat serta mampu berkongsi pengalaman dan dapatan hasil pencariannya bersama rakan di dalam kumpulan Malahan dengan kaedah PK murid tidak berasa keseorangan mahu pun berperasaan cemas tetapi telah meningkat keyakinan diri, motivasi dan minat terhadap proses pembelajaran (Ning & Hornby,2014).

Bagi objektif kedua menguji keberkesanan PK kepada pembolehubah lain mendapati hubungan yang signifikan terhadap persepsi murid Fernandes-Rio et.al, (2017), hasil pencapaian murid Nurhidayah, et al., (2018) dan Radja (2017), sikap Alcola, et al., (2019), kemahiran sosial Parna, et al., (2015) dan kreativiti Hamid Marashi dan Homayra Khatami, (2017). Hasil dapatan dari pengkaji mendapati hasil pembelajaran terus meningkat kerana sikap murid yang positif, saling bekerjasama, berkongsi maklumat dan pengalaman, saling menyokong dan memberi semangat sesama ahli kumpulan. Selain itu, kemahiran sosial dan kemahiran kolaboratif dapat dipertingkatkan hasil kerjasama di dalam kumpulan (Bhavani & Zamri, 2017)

Terdapat 9 daripada 18 artikel kajian menunjukkan nilai kesan saiz di dalam kajian. Artikel kajian dari Ning & Hornby, (2014); Haniyeh Rajae, (2016); Fernandes-Rio et.al (2017); Namaziandost et.al (2019); Nguyen & Nguyen, (2018) mempunyai kesan saiz secara langsung, manakala 4 artikel kajian lain Hasan et al., (2019); Tran (2019); Ng, (2017); Alcola et.al., (2019) dilakukan pengiraan nilai kesan saiz Cohen (1988). Kajian Alcola et.al., (2019) bersamaan 0.87 kesan saiz menunjukkan hubungan yang paling positif diikuti dengan kajian Hasan et al (2019) bersamaan 0.73. Ini menunjukkan PK yang menjalani aktiviti berkumpulan telah meningkatkan kefahaman dan motivasi murid berbanding kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran secara tradisonal

### **Perbincangan Dan Kesimpulan**

Dapatan menunjukkan, kaedah PK yang berpusatkan murid telah menghasilkan satu suasana pembelajaran yang positif dan menyeronokkan. Malah setelah diterapkan dengan kaedah PK, pelajar universiti lebih berkeyakinan dan lebih kreatif dalam membuat keputusan dan saling memberi semangat dan dorongan dalam tugas berkumpulan. Nilai kesan saiz 0.73 menunjukkan keberkesanan PK yang tinggi terhadap motivasi pembelajaran pelajar universiti.

Penekanan kerja bekumpulan dengan saling bantu membantu dalam kaedah PK telah meningkatkan motivasi murid sekolah rendah dan menengah. Kesan saiz 0.87 menunjukkan pengaruh yang besar dan kaedah ini telah berjaya meningkatkan motivasi, sikap dan interaksi sosial murid berbanding pembelajaran tradisional. Selain itu, dorongan, sokongan, pujian, penghargaan dan maklum balas positif yang diterima dari rakan dan guru turut menjadikan murid lebih berani dan bermotivasi untuk belajar malah turut berasa selesa untuk meneruskan sesi pembelajaran tanpa ada perasaan cemas dan terancam

Dapatan dari kesan saiz murid sekolah rendah hingga ke pelajar universiti, telah menunjukkan satu hubungan yang sangat kuat antara kaedah pembelajaran koperatif terhadap motivasi pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, pengkaji mencadangkan agar analisis selanjutnya dapat menggunakan lebih banyak lagi artikel dan dalam penelitian meta analisis agar data yang diperoleh lebih luas, lengkap dan tepat.

### Rujukan

- Al-Falah, M. R., Imron, A., & Basri, M. (2019). Penerapan Model Pembelajaran Take and Give untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Siswa Kelas VIII. *PESAGI (Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah)*, 7(1).
- Angraeni, L., & Handy Darmawan, B. (2017). Analisis dan Tindak Lanjut Tingkat Kepuasan Mahasiswa Pendidikan Fisika Terhadap Kualitas Pelayanan Laboratorium Fisika. *Jurnal Pendidikan Informatika dan Sains*, 6(1), 72-82.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (2nd Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmi, M.N., & Nurszatulshima. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)* Vol 1 .Special Issue 1 (Malay).
- Aziz, A. T. (2007). *Pedagogi Bahasa Melayu : Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd
- Benlahcene, A., Lashari, S. A., Lashari, T. A., Shehzad, M. W., & Deli, W. (2020). Exploring The Perception Of Students Using Student-Centered Learning Approach in A Malaysian Public University. *International Journal of Higher Education*, 9(1), 204-217.
- Boisandi dan Handy Darmawan. (2017) "Meta Analisis Pengaruh Penerapan Pembelajaran Berbasis Konstruktivisme pada Materi Fisika di Kalimantan Barat", *Jurnal Ilmiah Pendidikan Fisika Al-Biruni*, Vol.06, 2017, h. 180
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research Methods in Education* (Seventh). Routledge.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Statistik Penyelidikan*. Buku Satu: Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hil
- Cresswell, J. W. & Plano Clark, V. L. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks: Sages Publications, Inc
- Darmawan, D. M. (2018). Peningkatan Motivasi dan Hasil Belajar IPA Melalui Pembelajaran Kooperatif Tipe Tgt. *basic education*, 7(13), 1-281.,
- Fernandez-Rio, J., Sanz, N., Fernandez-Cando, J., & Santos, L. (2017). Impact Of A Sustained Cooperative Learning Intervention On Student Motivation. *Physical Education And Sport Pedagogy*, 22(1),
- Handayani, S., Purwaningsih, Y., & Murtini, W. (2017, October). The Application of STAD Cooperative Learning Using Picture as the Media to Improve Students' Learning

- Outcomes and Motivation in Learning Social Science. In *International Conference on Teacher Training and Education 2017 (ICTTE 2017)*. Atlantis Press.
- Hasan, R., Lukitasari, M., Darmayani, O., & Santoso, S. (2019, February). The Variation Pattern Of Cooperative Learning Models Implementation To Increase The Students Creative Thinking and Learning Motivation. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1157, No. 2, p. 022075). IOP Publishing.
- Hidayat, R., Muhlisin, A., Dewi, E. (2015) Hubungan Antara Minat Dan Cita-cita Dengan Motivasi Belajar Mahasiswa Program Studi S1 Keperawatan di Universitas Muhammadiyah Surakarta. Skripsi.
- Hortigüela Alcalá, D., Hernando Garijo, A., Pérez-Pueyo, Á., & Fernández-Río, J. (2019). Cooperative Learning and Students' Motivation, Social Interactions and Attitudes: Perspectives from Two Different Educational Stages. *Sustainability*, 11(24), 7005.
- Juwita, L., Sari, N. P. W. P., & Septianingrum, Y. (2017). The Effect of Team Game Tournament (TGT) Cooperative Learning Method Application Towards Learning Motivation and Achievement. *Indonesian Nursing Journal of Education and Clinic (INJEC)*., 2(2), 154-163.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1999). Making Cooperative Learning Work. *Theory Into Practice*, 38(2), 67-73.
- McPherson, Joyce (2020) Active Learning Principles with Illustrations from Shakespeare Education, The Clearing House: *A Journal of Educational Strategies*, Issues and Ideas,
- Mohammad Shah. (2016). Etika Kerja Guru Dan Hubungannya Dengan Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia*. Melaka: Bintang Printing Sdn. Bhd
- Marashi, H., & Khatami, H. (2017). Using Cooperative Learning To Boost Creativity and Motivation in Language Learning. *Journal of Language and Translation*, 7(1), 43-58.
- Ministry of Education Malaysia. 2015. Malaysia Education Blueprint 2015-2025 Higher Education. Putrajaya: Ministry of Education Malaysia.
- Namaziandost, E., & Ahmadi, S. (2019). The Assessment of Oral Proficiency through Holistic and Analytic Techniques of Scoring: A Comparative Study. *Applied Linguistics Research Journal*, 3(2), 70–82.
- Namaziandost, E., & Rahimi Esfahani, F., (2018). The Impact of Writing Practices on Enhancing Productive Skills Among Pre-Intermediate EFL Learners. *AJTLHE*, 10(1), 61-80
- Namaziandost, E., Shatalebi, V., & Nasri, M. (2019). The Impact Of Cooperative Learning on Developing Speaking Ability and Motivation Toward Learning English. *Journal of Language and Education*
- Nindrea, Ricvan Dana.(2016) Pengantar Langkah-langkah Praktis Studi Meta Analisis. Yogyakarta: Gosyen Publishing,
- Ning, H., & Hornby, G. (2014). The Impact Of Cooperative Learning on Tertiary EFL Learners' Motivation. *Educational Review*, 66(1), 108-124.
- NG, M. I. (2017). Exploring the Impacts of Cooperative Learning Strategy on Students' Motivation in Learning English Reading.
- Nurhidayah, N., Sairi, A. P., & Hamdi, H. (2018). Peningkatan Motivasi Belajar Mahasiswa Pada Mata Kuliah Fisika Matematika Ii Menggunakan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Jigsaw Di Fakultas Sains Dan Teknologi Universitas Jambi. *jifp (jurnal ilmu fisika dan Pembelajarannya)*, 2(1), 21-27.
- Nuryanti, S., & Mustapa, K. (2018, February). Effect of Number Head Together and Talkin Stick Types of Cooperative Learning Model on Redoks Towards Student's Motivation and Learning Outcomes. In *First Indonesian Communication Forum of Teacher Training and*

- Education Faculty Leaders International Conference on Education 2017 (ICE 2017)*. Atlantis Press
- Nguyen, M. T. T., & Nguyen, H. B. (2018). Impact Of Cooperative Learning On Learner Motivation in Speaking At A Vietnamese High School. *European Journal Of English Language Teaching*.
- Parna, I. K., Dantes, N., & Marhaeni, M. P. A. N. (2015). Pengaruh Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Stad Terhadap Motivasi Berprestasi Danhasil Belajar IPA Siswa Kelas V SD Gugus VII Kecamatan Kubu Tahun Pelajaran 2014/2015 (Doctoral dissertation, Ganesha University of Education).
- Rajae, H., & Davaribina, M. (2016). An Exploration On The Effect Of Cooperative Learning on The Reading Comprehension Ability And Learning Motivation Of Iranian Freshmen EFL Learners. *International Journal Of Humanities And Cultural Studies (IJHCS) ISSN 2356-5926*, 1280-1288.
- Rahim, A. B. A., Bin, I. D. A., & Khairani, M. Z. B. (2017). A Comparative Study on The Effectiveness Of Cooperative Learning Method (STAD) Against Traditional Methods in Landscape Painting. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 2222-6990.
- Radja, M. (2017). entitled "The Implementation of Talking Chips and Fan-N-Pick Cooperative Learning Model to Improve Students" Motivation and Learning Outcomes. *Asian Efl Journal*, 33(1), 23-50.
- Somasundram, B., & Mahamod, Z. (2017). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 11-23
- Syamsul Hadi, Metode Penelitian Kuantitatif untuk Akuntansi Keuangan, (Yogyakarta: Ekonisia, 2006), h. 24.
- Surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia 2018
- Tesfamichael, W. (2017). Students' Attitudes Towards Cooperative Learning In EFL Writing Class. *Arabic Language, Literature & Culture*, 2(3), 60-68
- Tarhan, L. & Sesen, B. A. (2012). Jigsaw Cooperative Learning: Acid-Base Theories. *Chemistry Education Research And Practice*, 13, 307-313.
- Tran, V. D. (2019). Does Cooperative Learning Increase Students' Motivation in Learning?. *International Journal of Higher Education*, 8(5), 12-20. 89-105.
- Ural, E., Ercan, O., & Gençoğlan, D. M. (2017, June). The Effect Of Jigsaw Technique On 6<sup>th</sup> Graders' Learning Of Force And Motion Unit And Their Science Attitudes and Motivation. In *Asia-Pacific Forum on Science Learning & Teaching* (Vol. 18, No. 1).
- Webster, J., & Watson, R. T. (2002). Analyzing the Past to Prepare for the Future: Writing Literature Review. *MIS Quarterly*, 26(2), xiii–xxiii
- Yin, H., Lee, J. C. K., & Zhang, Z. (2020). Catering For Learner Diversity in Hong Kong Secondary Schools: Insights From The Relationships Between Students' Learning Styles and Approaches. *ECNU Review of Education*
- Zainudin bin Hassan, Mohd Zaki bin Mohamed Som, Nur Azza binti Abd Aziz. Perkembangan dan Reformasi Sistem Pendidikan di Malaysia, 2015. *Jurnal Pendidikan Nusantara Indonesia*,